

# 'Nyah balik negeri sendiri'

UM 19 JAN 2002

Oleh SOPHA SULAIMAN

JITRA 18 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang kesal dengan perbuatan merusuh oleh lebih 500 pekerja Indonesia semalam mengingatkan rakvat asing supaya meninggalkan Malaysia jika merasakan negara ini tidak baik bagi mereka.

Perdana Menteri berkata, adalah malang sekali apabila orang luar yang datang menumpang untuk 'mencari makan' di Malaysia tiba-tiba merusuh kerana enggan mematuhi undang-undang dan peraturan negara ini.

Menurut beliau, rusuhan bukanlah budaya rakyat Malaysia dan mereka tidak akan merusuh jika kerajaan membuat peraturan tertentu terhadap mereka.

"Kalau rakyat asing berpendapat negara kita ini tidak baik bagi mereka... tolonglah nyah balik ke negeri sendiri," tegas Dr. Mahathir.

- Syarat lebih ketat untuk pekerja asing- Muka 3
- Setor minyak terbakar 10 jam selepas rusuhan —Muka 8
- Syarat kerja pekerja asing dikaji semula — Muka 13

Perdana Menteri merujuk kejadian rusuhan pekerja asing di asrama sebuah kilang di Nilai semalam, semasa berucap pada majlis jamuan Hari Raya Aidilfitri dengan pegawai-pegawai kerajaan dan penduduk kawasan Parlimen Kubang Pasu, di Institut Perguruan Darulaman (IPDA) di sini hari ini.

Kira-kira 4,000 orang hadir pada majlis itu termasuk Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Selain merusuh, 500 pekerja Indonesia yang tinggal di asrama kilang tekstil Hualon Corporation (M) Sdn. Bhd. itu, turut menyering anggota polis yang menjalankan operasi pencegahan dadah.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Perdana Menteri menegaskan, kerajaan akan mengkaji untuk memberi keutamaan kepada pekerja asing dari negara lain sebagai

■ Lihat muka 10

## 'Nyah balik negeri sendiri'

UM 19 JAN 20

ganti pekerja Indonesia di negara ini.

Beliau berkata, pekerja dan pendatang Indonesia sering menimbulkan masalah kepada kerajaan terutama mereka yang memasuki negara ini secara haram.

Bagaimanapun ujaranya, kerajaan akan melihat kemampuan negara lain menyediakan pekerja yang diperlukan untuk memenuhi permintaan kilang-kilang di negara ini.

"Kita akan kurangkan (kemasukan mereka) tetapi kilang pula akan kekurangan pekerja. Mungkin kita akan terima pekerja dari negara lain. Kita akan tengok kemampuan pekerja dari negara lain," jelas Dr. Mahathir.

Menurut Perdana Menteri lagi, kerajaan dan rakyat Malaysia selama ini rela memberi peluang kepada rakyat asing untuk mencari rezeki di negara ini.

Dr. Mahathir juga menarik perhatian, walaupun tidak suka dengan kehadiran mereka, Malaysia terpaksa menerima orang asing kerana rakyat tempatan tidak sanggup atau tidak mencukupi untuk bekerja di dalam bidang pekerjaan tertentu.

"Sepatutnya tidak ada seorang pun rakyat Malaysia yang ingin bekerja, tetapi tidak mendapat pekerjaan. Namun masih ada rakyat kita yang sanggup men-

ganggur kerana terlalu memilih jenis dan tempat kerja," katanya.

Beliau juga menyatakan kerajaan amat berhati-hati kerana jika terlalu ramai rakyat asing bekerja di negara ini dan melakukan kerja-kerja yang penting, negara akan terlalu bergantung kepada mereka.

"Jika itu berlaku, mereka akan menguasai kita kerana mereka sedar tanpa mereka, kita tidak dapat hidup sempurna," ujar Dr. Mahathir.

Beliau menyatakan, Malaysia sanggup menerima pendatang negara asing dan ada di antara mereka telah diberi taraf rakyat Malaysia.

Kata Dr. Mahathir, rakyat Malaysia perlu bekerja kuat dan berusaha selain tekun mencari ilmu dan kemahiran supaya semua kerja dapat dilaksanakan oleh pekerja tempatan.

Menurut beliau, jika rakyat tidak sanggup atau tidak boleh melakukan sesuatu kerja, negara ini akan terus dibaniri oleh rakyat asing dan sudah tentu mereka akan menguasai pekerjaan tertentu.

Dr. Mahathir yakin rakyat negara ini terutama orang Melayu mempunyai kelebihan untuk melaksanakan sesuatu tugas seperti juga kaum-kaum lain.

Bagaimanapun, katanya, oleh kerana

tidak mahu belajar atau berusaha ber-sungguh-sungguh menyebabkan orang Melayu terus ketinggalan dalam berbagai bidang.

"Orang Melayu bagaimanapun bernasib baik kerana kerajaan memberikan keutamaan kepada mereka, namun keistimewaan itu mungkin tidak akan kekal selamanya," ujar Dr. Mahathir.

Beliau juga mahu orang Melayu yang ketinggalan dengan kaum lam berusaha lebih gigih daripada mereka yang telah maju kerana ia juga merupakan tuntutan agama.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas majlis ramah mesra bersama pemimpin Barisan Nasional (BN) Kedah di Bangunan Tunku di Alor Setar kemudian, Dr. Mahathir berkata warga Indonesia mungkin menjadi pilihan terakhir untuk diambil bekerja di negara ini pada masa depan.

Langkah itu terpaksa dilakukan kerana beberapa siri kekacauan yang ditimbulkan oleh pekerja dari Indonesia telah menimbulkan masalah kepada negara ini, katanya.

"Pekerja Indonesia memberi kita banyak masalah, menyeludup masuk, apabila ditangkap mereka jadi ganas... kita tidak dapat menerima perangai seperti itu," katanya lagi.